

ISA untuk peliharaan perpaduan: PM

KUALA LUMPUR, Rabu — Undang-undang yang diperuntukkan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri akan terus digunakan selagi isu perkauman, keagamaan dan sebagainya berpotensi mengancam keselamatan rakyat dan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menegaskan bahawa dalam usaha mewujudkan integrasi nasional, kerajaan akan memastikan tidak ada pihak dapat mengambal kesempatan mengeksploit isu itu untuk memecahbelahkan perpaduan rakyat.

“Oleh itu, sehingga rakyat dapat membendung diri sendiri, kerajaan akan mengekalkan akta ini dan undang-undang

lain yang berkenaan, serta bertindak apabila perlu,” katanya di majlis ulang tahun ke-15 Rukun Tetangga, di sini, malam ini.

Beliau berkata, pembentukan bangsa dalam konteks negara juga membabitkan aspek integrasi wilayah, khasnya antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama Kerajaan Sabah dan Sarawak sudah mengambil pelbagai daya usaha untuk mencapai cita-cita integrasi itu, walaupun kesannya hanya boleh dilihat beberapa tahun lagi.

“Pengalaman kita dan pengalaman negara lain, sudah mem-

MM 25 JAN 1990
buktikan betapa buruknya kesan yang diterima daripada isu perkauman, keagamaan dan sebagainya, jika ia tidak diawasi dan dibendung.”

“Dalam hal ini, pendekatan kerajaan ialah adalah lebih baik mencegahnya daripada berlaku. Peristiwa 13 Mei 1969 sudah banyak mengajar kita,” katanya.

Salah satu punca utama meletusnya masalah perkauman dan ketegangan antara kaum, ialah perbezaan taraf sosioekonomi mereka.

Sebab itulah, katanya, kerajaan akan meneruskan usaha meningkatkan taraf sosioekonomi antara kaum melalui dua cara, iaitu pendidikan dan langkah dalam bidang ekonomi.